

Selangor dilanda banjir, ribut

Air naik cecah 2 meter ekoran hujan lebat, angin kencang lebih empat jam

Oleh Nor Azizah Mokhtar
dan Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

MD FUZI ABD LATEH | BERITA HARIAN

SHAH ALAM: Beberapa kawasan di negeri ini dinaiki air sedalam antara setengah dan dua meter selepas hujan lebat berserta angin kencang lebih empat jam, awal pagi semalam.

Di bandar raya ini dan Klang, angin kencang berserta hujan yang bermula kira-kira jam 3 pagi itu menyebabkan lebih 15 pokok tumbang manakala beberapa bumbung rumah di sekitar kediaman Bukit Badak, diterbangkan angin.

Kejadian turut menyebabkan beberapa kawasan yang ditenggelami air beberapa hari lalu, kembali dilanda banjir terutama kediaman awam di Taman Desa Kemuning, di sini dan kawasan perumahan berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah (STAR), Klang.

Beberapa pokok yang ditanam di beberapa jalan di Seksyen 31, Shah Alam turut tumbang, sebahagiannya menjejaskan lalu lintas pada awal pagi, tetapi petugas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertindak pantas membersihkan laluan yang terjejas.

Mangsa ribut, Ahmad Shahrin Mat Arus, 43, mendakwa sebahagian besar bumbung rumahnya diterbangkan angin sehingga lebih 20 meter dalam kejadian jam 3.15 pagi.

Katanya, kejadian itu menyebabkan beliau dan lima ahli keluarga lain, termasuk mentua bergegas menyelamatkan diri dan terpaksa berpindah tempat tidur apabila air mulai memenuhi sebahagian ruang dapur.

Di Hulu Selangor, sebanyak 150 keluarga dari 14 kampung dan taman perumahan di sekitar Batang Kali dan Hulu Yam, di sini terjejas selepas kediaman mereka dilanda banjir kilat.

Hujan lebat yang bermula sekitar jam 1 pagi dan berlarutan hingga jam enam pagi itu menyebabkan paras air Sungai Batang Kali naik mendadak ke paras bahaya sehingga melimpah ke kawasan kampung dan perumahan berhampiran sedalam dua meter.

Antara kampung yang paling teruk terjejas ialah Kampung Genting Malik, Kampung Menyorok,



ANGGOTA bomba dan penyelamat memindahkan mangsa banjir di Kampung Sentosa dekat Batang Kali, semalam.



Penduduk, termasuk warga emas terpaksa memanjat bumbung rumah untuk menyelamatkan diri



Mohd Sani Harul
Penolong Pengarah Operasi
Bomba dan Penyelamat Selangor

Kampung Batu 30, Halong Hilir, Hulu Palong, Kalong Tengah, Sungai Masin, Seri Cahaya, Kampung Sekolah, Kampung Tengah, Kampung Sentosa, Kampung Kuantan, Kampung Masjid serta pekan Batang Kali.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang ramai pada jam 4.46 pagi dan menghantar jentera dan 50 anggotanya dari beberapa balai bomba berhampiran ke tempat kejadian.

"Seramai 47 mangsa terperangkap di rumah masing-masing apabila paras air naik mendadak.

"Penduduk, termasuk warga emas terpaksa memanjat bumbung rumah untuk menyelamatkan diri,"



PENGANTIN baru, Siti Maryam Anuar, 26, membersihkan ruang tamu rumahnya di Kampung Sungai Cincin, Batu 7 1/2, dekat Jalan Gombak, semalam.

katanya yang turut mengetuai pasukan menyelamatkan bomba Selangor menggunakan tiga bot.

Beliau berkata, pihak bomba dibantu oleh 59 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), RELA, Jabatan

Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Kementerian Kesihatan berjaya membawa keluar semua penduduk yang terperangkap hampir dua jam akibat banjir itu ke tempat selamat.

MOKHSIN ABIDIN | BERITA HARIAN